



28 Februari 2013  
28 February 2013  
P.U. (A) 63

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (PEMBIAKBAKAAN DALAM KURUNGAN KOMERSIAL) 2013

### *WILDLIFE CONSERVATION (COMMERCIAL CAPTIVE BREEDING) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010

PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR  
(PEMBIAKBAKAAN DALAM KURUNGAN KOMERSIAL) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 132(2)(e) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pembiakbakaan dalam Kurungan Komersial) 2013.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2013.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“baka induk” ertinya hidupan liar yang digunakan untuk tujuan menghasilkan anak generasi pertama;

“doktor veterinar” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 [*Akta 147*];

“pembiaik baka komersial” ertinya mana-mana orang yang mengendalikan suatu aktiviti pembiakbakaan dalam kurungan komersial.

**Kehendak bagi permit**

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan suatu aktiviti pembiakbakaan dalam kurungan komersial melainkan jika dia memegang suatu permit yang dikeluarkan di bawah perenggan 10(1)(b) Akta.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya bagi aktiviti pемbiakbakaan dalam kurungan komersial melainkan jika dia memegang suatu permit khas di bawah seksyen 11 Akta.

(3) Aktiviti pемbiakbakaan dalam kurungan komersial hendaklah dikendalikan di premis yang dinyatakan dalam permit yang dikeluarkan di bawah peraturan ini.

**Fi**

4. Fi yang kena dibayar bagi suatu permit untuk mengendalikan aktiviti pемbiakbakaan dalam kurungan komersial adalah dua ratus ringgit yang kena dibayar kepada pegawai pelesen dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pelesen.

**Kurungan**

5. Pembiak baka komersial hendaklah memastikan bahawa hidupan liar yang digunakan untuk aktiviti pемbiakbakaan dalam kurungan komersial itu—

(a) boleh bergerak bebas dalam kurungan yang berukurun sesuai dan selesa; dan

(b) ditempatkan dalam kurungan dalam bilangan yang bersesuaian dan tidak bersesak-sesak.

**Rekod dan penandaan**

6. (1) Setiap pembiak baka komersial hendaklah memastikan bahawa semua rekod yang berhubungan dengan—

(a) perolehan baka untuk tujuan pемbiakbakaan;

(b) kelahiran dan kematian mana-mana hidupan liar;

(c) penjualan mana-mana hidupan liar; dan

(d) penjagaan kesihatan semua hidupan liar,

disenggara dan disimpan di premis yang aktiviti pемbiakbakaan dalam kurungan komersial itu dijalankan.

(2) Pembiak baka komersial hendaklah memastikan bahawa setiap hidupan liar yang digunakan untuk tujuan pembiakbakaan dalam kurungan komersial ditanda menurut seksyen 45 Akta.

### **Kesihatan**

7. (1) Pembiak baka komersial hendaklah memastikan bahawa hidupan liar yang digunakan dalam aktiviti pembiakan dalam kurungan komersial disimpan dalam keadaan sihat di bawah pengawasan seorang doktor veterinar.

(2) Pembiak baka komersial hendaklah melaporkan apa-apa kematian baka induk atau anak generasi pertama kepada pegawai pelesen dengan seberapa segera yang mungkin.

### **Penjualan baka**

8. Tiada pembiak baka komersial yang boleh menjual mana-mana baka induk melainkan:

(a) pembiak baka komersial itu ingin menamatkan aktiviti pembiakbakaan dalam kurungan komersial; atau

(b) baka induk tidak produktif.